

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA PENERBITAN**

- 1.1 Untuk staf, keutamaan diberikan kepada pemohon yang tiada geran aktif sahaja.
- 1.2 Untuk pelajar, permohonan diberikan kepada pelajar GPPS/GIPS/REGG sahaja.
- 1.3 Permohonan penerbitan **terus ke jurnal sahaja**. Permohonan yuran persidangan adalah tidak dibenarkan.
- 1.4 Terdapat **2 kategori** permohonan pembiayaan yuran jurnal ditawarkan iaitu:
  - 1.4.1 Pembiayaan yuran **jurnal tidak berindeks Scopus atau WoS**.
    - i. Maksimum jumlah yuran **RM 500.00 / penerbitan / staf**.
    - ii. Hanya jurnal UTHM atau jurnal yang tersenarai dalam MyJurnal atau MyCite sahaja.
    - iii. **Had bilangan** penerbitan bergantung kepada **keadaan kewangan semasa Tabung Penerbitan**.
  - 1.4.2 Pembiayaan yuran **jurnal berindeks Scopus atau WoS**.
    - i. Maksimum jumlah yuran **RM 2,000.00 / penerbitan / staf**.
    - ii. **Had bilangan** penerbitan bergantung kepada **keadaan kewangan semasa Tabung Penerbitan**.
- 1.5 Semua permohonan perlu mengikut prosedur yang ditetapkan menggunakan Borang Permohonan Dana Penerbitan yang terdapat di laman web **Pejabat Penerbit> Muat Turun> Borang> Permohonan Dana Penerbitan**. Dokumen-dokumen seperti berikut perlu disertakan dalam permohonan:
  - 1.5.1 Surat penerimaan (*acceptance letter*) daripada jurnal berkenaan.
  - 1.5.2 Salinan bukti jurnal tersebut diindeks oleh MyCite/Scopus/JCR/WOS.
  - 1.5.3 Artikel penuh **WAJIB** menyatakan penghargaan (*acknowledgement*) berikut: "**Communication of this research is made possible through monetary assistance by Universiti Tun Hussein Onn Malaysia and the UTHM Publisher's Office via Publication Fund E15216**".
  - 1.5.4 Salinan resit/bukti bayaran/invois asal.
  - 1.5.5 Surat lantikan (Pelajar GPPS/GIPS/REGG sahaja)

- 1.6 Penyelidik dibenarkan untuk memohon penggunaan peruntukan Tabung E15216 bagi pembiayaan yuran penerbitan yang tiada kaitan dengan projek penyelidikan (aktif). Kelulusan adalah terhad **SATU (1)** sahaja pada tahun semasa.
- 1.7 Pemohon **MESTILAH** mendahulukan pembayaran yuran kepada pihak penerbit jurnal terbabit sebelum memohon pembiayaan kepada Pejabat Penerbit. Tuntutan semula pembayaran perlu dilaksanakan dalam tempoh **SATU (1) bulan** daripada tarikh bukti pembayaran sepertimana Pekeliling Tuntutan Bayaran Wang Sendiri (TBWS) yang sedang berkuatkuasa.
- 1.8 Semua permohonan adalah tertakluk kepada kecukupan baki peruntukan Tabung E15216.

## Proses Permohonan Dana Penerbitan Jurnal Melalui Tabung Penerbitan E15216

